

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI  
ABD. MUTTALIB [ MARAN ]**

**TARIKH : 25 MEI 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [ MARAN ]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha dan perancangan terperinci Kerajaan susulan penangguhan pewartaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) sehingga akhir bulan Mei 2023 sebelum ia dapat dimuktamadkan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menjadualkan enam (6) sesi libat urus bermula pada 18 sehingga 26 Mei 2023 susulan daripada keputusan YAB Perdana Menteri melanjutkan tempoh sesi libat urus bersama orang awam dan pihak berkepentingan sehingga 31 Mei 2023. Untuk melaksanakan perkara ini pihak DBKL telah meuar-uarkan secara atas talian bermula 18 Mei 2023 untuk orang awam dan pihak berkepentingan membuat pendaftaran bagi menyertai sesi libat urus Draf PSKL2040 ini. Orang awam dan pihak berkepentingan juga boleh memuat turun pindaan Draf PSKL2040 bermula pada 13 April 2023 dalam portal rasmi DBKL di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my).
2. Sesi libat urus ini bertujuan memberi pemahaman dan penjelasan secara lebih meluas berkenaan pindaan terkini PSKL2040 setelah mengambil kira pandangan awam yang telah dilaksanakan melalui sesi pameran dan pandangan awam pada 18 Februari hingga 18 Mei 2020 yang lalu.
3. Selagi PSKL 2040 masih belum diwartakan, dasar dan strategi pembangunan di dalam PSKL 2020 yang diwartakan pada tahun 2004 masih berkuatkuasa dan terpakai. Dari aspek kawalan pula, pembangunan perlulah mematuhi ketetapan sepertimana di dalam Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020 atau dikenali sebagai Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020) yang telah diwartakan pada 30 Oktober 2018.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM  
[ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 8 JUN 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan jawatankuasa khas yang dicadangkan oleh Ahli Parlimen Kuala Lumpur untuk mengkaji cara-cara meningkatkan keberkesanan perkhidmatan DBKL dan PTG WPKL.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatankuasa khas yang dicadangkan untuk mengkaji cara-cara meningkatkan keberkesanan perkhidmatan DBKL dan PTG WPKL telahpun wujud dalam 3 bentuk mekanisme pelaksanaan.
2. Mekanisme tertinggi adalah Majlis Interaksi Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan telah diadakan pada 22 Disember 2022. Majlis ini dianggotai oleh **Ahli-Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Bandar Kuala Lumpur, Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan serta Ketua-Ketua Agensi di bawah JWP yang lain. Majlis ini menyediakan platform perundingan khas yang mana cadangan dan saranan yang diutarakan oleh Ahli-Ahli Parlimen Kuala Lumpur diadaptasi untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
3. Mekanisme kedua ialah Mesyuarat Konsultasi Datuk Bandar yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur setiap bulan dan dianggotai Timbalan Ketua Pengarah JWP, Pengarah Bahagian JWP, Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kampong Bharu serta Ahli-Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Mesyuarat ini merupakan medium perjumpaan rasmi diantara Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan Ahli Parlimen sebagai sesi perbincangan dan percambahan idea berkenaan dasar, polisi dan isu perancangan dan pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur. Sehingga kini Mesyuarat Konsultasi ini telah dilaksanakan sebanyak empat (4) kali.

4. Mekanisme ketiga ialah Mesyuarat Konsultasi Susulan Pengarah Eksekutif DBKL yang dipengerusikan secara bergilir oleh empat (4) orang Pengarah Eksekutif DBKL dalam tempoh 2 minggu selepas setiap Mesyuarat Konsultasi Datuk Bandar Kuala Lumpur. Mesyuarat ini turut dianggotai oleh wakil-wakil Ahli-Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, wakil JWP dan Agensi dan Pengarah-Pengarah Jabatan DBKL bagi menyusul maklum balas tindakan terhadap usul yang dibincangkan dan lain-lain usul yang tidak dibincangkan dalam Mesyuarat Konsultasi Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [ LABUAN ]**

**TARIKH : 8 JUN 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [ LABUAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan komprehensif Kerajaan terhadap penjanaan dan pemulihan ekonomi di wilayah Labuan dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dan komuniti peniaga setempat.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi mengatasi cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dan komuniti peniaga setempat di Labuan, perancangan komprehensif Kerajaan terhadap penjanaan dan pemulihian ekonomi di Labuan sedang dilaksanakan berdasarkan **Blueprint Pembangunan Labuan 2030**.
2. Antara misi utama Blueprint ini adalah mengukuhkan serta mempelbagaikan kegiatan ekonomi. Dengan cara ini, Labuan diharap tidak hanya bergantung kepada sektor kewangan serta industri berkaitan minyak dan gas. Sektor pelancongan diberi keutamaan kerana kelebihan Pulau Labuan sebagai pulau bebas cukai serta memiliki aset pelancongan yang berpotensi dalam meningkatkan ekonomi golongan sasaran terutamanya masyarakat setempat. Antara program yang diberikan keutamaan dan sedang dilaksanakan adalah:
  - i) Program transformasi desa;
  - ii) Pelancongan berdasarkan komuniti;
  - iii) Pembangunan modal Insan;
  - iv) Program Peningkatan Pendapatan kepada peniaga kecil;
  - v) Program Pembasmian Kemiskinan melalui ekonomi digital;
  - vi) Program Inisiatif Pendapatan Rakyat melalui program keusahawanan dan industri kecil dan sederhana; dan
  - vii) Program penyediaan prasarana aktiviti ekonomi di lokasi yang lebih strategik dan menarik.
3. Kerajaan turut menyediakan Rancangan Pemajuan Labuan 2040 yang merupakan dokumen Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan yang mengandungi dasar dan cadangan bagi memenuhi keperluan sosial dan ekonomi penduduk Labuan melalui pembangunan fizikal yang teratur serta persekitaran yang selesa.

4. Bagi menyokong pelaksanaan Blueprint **Blueprint Pembangunan Labuan 2030** dan Rancangan Pemajuan Labuan 2040, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan infrastruktur dan perkhidmatan asas bagi memenuhi kehendak industri dan komuniti perniagaan. Antara projek dan program yang telah dan sedang dilaksanakan ialah:

- i. Pembinaan Jalan Pesisir Pantai Dari Membedai Ke Tanjung Aru, WP Labuan;
- ii. Naiktaraf Pasar Sentral Labuan;
- iii. Projek Smart City Labuan Fasa 1;
- iv. Naiktaraf Anjung Selera Milik Perbadanan Labuan;
- v. Naiktaraf Jambatan Patau-Patau 1, WP Labuan;
- vi. Pembinaan Dewan Komuniti Kampung Patau-Patau 1,
- vii. Peningkatan sistem bekalan elektrik; dan
- viii. Peningkatan sistem bekalan air.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN [ BATU ]**

**TARIKH : 8 JUN 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [ BATU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan daripada hasil cadangan penambahbaikan yang telah diajukan kepada pihak DBKL berkaitan isu Bas Percuma GoKL oleh kebanyakan Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan seperti pemanjangan radius laluan dan kekerapan pergerakan bas.

**JAWAPAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH  
TIMBALAN DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan Bas Percuma GOKL dioperasikan oleh DBKL sejak tahun 2019, dan penambahan laluan telah dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan sesuatu kawasan. Tidak semua kawasan sesuai untuk diadakan laluan bas GoKL berdasarkan laluan batuan ataupun batuan akhir- *the last mile*, ataupun batuan awal- *the first mile*.
2. Batuan akhir- *the last mile* bertujuan bagi memudahkan pergerakan pengguna pengangkutan awam untuk perjalanan dalam pusat bandar Kuala Lumpur ataupun CBD. Batuan awal- *first mile* pula adalah bagi menggalakkan pertukaran mod ataupun mod shift untuk perjalanan pergi dan balik pejabat daripada mod kendaraan persendirian kepada pengangkutan awam.
3. Pada masa ini perkhidmatan ini disediakan di 13- laluan di Kuala Lumpur iaitu empat- laluan *last mile* dan sembilan- laluan *first mile*. Kekerapan bas adalah dari lima minit hingga lapan minit pada waktu puncak dan 15 minit hingga 30 minit di luar waktu puncak. 70 buah bas elektrik diguna pakai yang beroperasi di jalan raya sekitar Kuala Lumpur. Bagi tambahan laluan ke-14 di Parlimen Seputeh, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang membuat kajian sambutan pengguna selama tiga bulan iaitu dari bulan April hingga bulan Jun 2023. Seterusnya DBKL akan membuat laluan ujian GoKL *trial run* di kawasan yang terpilih di Parlimen Seputeh. Hasil ujian tersebut akan dianalisis berdasarkan sambutan penumpang, waktu perjalanan dan kawasan liputan sebelum laluan baharu dilancarkan pada tahun 2023.
4. DBKL juga sedang meneliti laluan terus GoKL dari Pekan Batu ke pusat bandar iaitu di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan dari Tasik Permaisuri ke Hab Pasar Seni. Laluan terus ini adalah untuk memberi pilihan kepada warga kota menggunakan perkhidmatan bas percuma

**NO SOALAN: 9**

GoKL terus dari kawasan kediaman *first mile* ke pejabat atau kawasan tumpuan *last mile*.

5. Perkhidmatan ini akan dilancarkan setelah urusan tambahan bas baharu GoKL disiapkan oleh pihak pengendali.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [ LABUAN ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [ LABUAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelaksanaan Undang-undang Kecil Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (W.P. Labuan) 2016 oleh Perbadanan Labuan kepada premis restoran dan salon dengan kadar RM10 per kaki persegi bagi keluasan yang melebihi 1800 kaki persegi dengan bayaran maksimum yang dikenakan adalah RM 1800 setahun.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Parlimen Labuan, aktiviti perniagaan salon adalah dibawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (W.P. Labuan) 2016 yang telah mula berkuatkuasa pada 1 September 2016. Pada masa sama, pelaksanaan UUK tersebut telah membatalkan UUK MPL (Pendandan Rambut) 1968 dan UUK MPL (Kedai Dobi) 1968 yang telah digunakan sebelum ini.
2. Manakala aktiviti perniagaan restoran adalah dibawah UUK Pelesenan Petempatan Makanan (WPL) 2016 yang telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2017. Pada masa sama, pelaksanaan UUK tersebut telah membatalkan UUK MPL (Makanan & Tempat Makanan) 1968.
3. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Ahli Parlimen Labuan, fi lesen bagi kedua-dua UUK Pelesenan yang sedang berkuatkuasa ini dikenakan berasaskan kepada keluasan sesebuah premis perniagaan. Bagi Restoran, fi lesen ditetapkan pada kadar RM10.00 bagi setiap meter persegi dengan kadar maksima RM1,800 setahun dan telah pun dilaksanakan ke atas 201 restoran/gerai makan/ kedai makan/ kiosk makanan. Bagi pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan (kedai gunting), fi lesen ditetapkan pada kadar RM1.50 bagi setiap meter persegi dengan kadar maksima RM1,300.00 setahun dan telah pun juga dilaksanakan ke atas 59 salon.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM  
[ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kekurangan tanah perkuburan bukan Islam di Kuala Lumpur. Apakah Kerajaan membenarkan penubuhan kolumbarium untuk meletakkan abu mayat yang dibakar di tanah perkuburan kristian di Cheras.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menyelesaikan masalah kekurangan tanah perkuburan bukan Islam di Kuala Lumpur, kaedah penguburan secara konvensional ditukarkan kepada kaedah pembakaran dan penyimpanan abu mayat di kolumbarium. Maka secara tidak langsung penggunaan tanah dapat dimaksimumkan dgn tidak lagi menguburkan mayat secara konvensional.
2. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kini sedang dalam perancangan membina Kompleks Kolumbarium di atas Tanah Perkuburan Kristian, Jalan Kuari, Cheras. Kompleks Kolumbarium tersebut akan dibina secara berfasa di atas tanah seluas 1.2 ekar yang dijangka boleh menempatkan lebih 20,000 *niche* bagi peletakkan abu mayat. Pihak berkepentingan, persatuan agama dan gereja akan dilibatkan semasa sesi libat urus sebelum pembinaan dijalankan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN  
ABDUL RAHMAN [LABUAN]**

**TARIKH : 14 JUN 2023 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam keadaan ekonomi yang masih belum pulih sepenuhnya mengapa agensi-agensi seperti Perbadanan Labuan (PL) dan Labuan Financial Services Authority (LFSA) menaikkan kadar sewa premis-premis perniagaan yang di bawah kawalan selia agensi tersebut di mana ianya tidak sejajar dengan hasrat Perdana Menteri untuk membantu peniaga-peniaga kecil yang terkesan akibat daripada pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak wujud keadaan Perbadanan Labuan (PL) melaksanakan tindakan yang tidak sejajar dengan hasrat Perdana Menteri membantu peniaga kecil terjejas akibat pandemik COVID-19. PL tidak pernah menaikkan kadar sewa premis perniagaan di bawah kawalan PL. Kadar terkini adalah kadar asal apabila premis perniagaan dibuka, berdasarkan kadar yang dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) Wilayah Persekutuan Labuan dan kadar sewa tersebut telah dikuatkuasa sejak 2014.
2. Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, PL telah mengambil inisiatif sendiri untuk memberi pengecualian dan pengurangan sebanyak 50% dari kadar sewa kepada peniaga-peniaga yang menyewa premis perniagaan PL. Walau bagaimanapun, inisiatif ini tidak boleh dibuat secara berpanjangan dan berterusan kerana PL memerlukan hasil kutipan sewa premis pada kadar asal bagi menampung sebahagian perbelanjaan operasi yang mencecah RM80 juta setahun. Oleh itu, tempoh pemberian pengecualian kepada peniaga-peniaga yang menyewa premis perniagaan PL ini terpaksa ditamatkan pada 31 Disember 2022 dan kadar sewa asal dikenakan semula sejak 1 Januari 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN  
[ BUKIT BINTANG ]**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab tidak melulus dan mewartakan Pelan Struktur Kuala Lumpur terbaharu walaupun terdapat pindaan dan bagaimanakah kedudukan pembangunan yang telah dilaksanakan tanpa menurut kehendak pelan struktur.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menjadualkan enam (6) sesi libat urus bermula pada 18 sehingga 26 Mei 2023 susulan daripada keputusan YAB Perdana melanjutkan tempoh sesi libat urus bersama orang awam dan pihak berkepentingan sehingga 31 Mei 2023. Untuk melaksanakan perkara ini pihak DBKL telah mewar-warkan secara atas talian bermula 18 Mei 2023 untuk orang awam dan pihak berkepentingan membuat pendaftaran bagi menyertai sesi libat urus Draf PSKL2040 ini. Orang awam dan pihak berkepentingan juga boleh memuat turun pindaan Draf PSKL2040 bermula pada 13 April 2023 dalam portal rasmi DBKL di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my).
2. Sesi libat urus ini bertujuan memberi pemahaman dan penjelasan secara lebih meluas berkenaan pindaan terkini PSKL2040 setelah mengambil kira pandangan awam yang telah dilaksanakan melalui sesi pameran dan pandangan awam pada 18 Februari hingga 18 Mei 2020 yang lalu.
3. Selagi PSKL 2040 masih belum diwartakan, dasar dan strategi pembangunan di dalam PSKL 2020 yang diwartakan pada tahun 2004 masih berkuatkuasa dan terpakai. Walau bagaimanapun, dari aspek kawalan pembangunan perlulah mematuhi ketetapan seperti mana di dalam Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2020 atau dikenali sebagai Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020) yang telah diwartakan pada 30 Oktober 2018.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN  
[ BUKIT BINTANG ]**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan DBKL ke atas rumah-rumah sampah di setiap perumahan awamnya yang rosak dan tidak berfungsi yang merugikan DBKL dan ketidakcekapan kontraktor pembersihan yang dilantik untuk menyenggara kawasan perumahan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod terdapat sebanyak 140 unit mesin sampah di rumah sampah yang melibatkan 44 kawasan Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat (PA/ PPR) yang diselenggara oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26 unit mesin sampah dikenalpasti mengalami kerosakan terutamanya di bahagian badan mesin yang telah reput dan '*shaft screw*' yang telah patah. Antara punca kerosakan yang berlaku adalah disebabkan oleh keadaan mesin yang telah usang melebihi jangka hayat usia.
2. Sehubungan itu, DBKL sedang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan baikpulih terhadap mesin sampah di rumah sampah yang telah rosak bagi memastikan sampah di kawasan PA dan PPR dapat diuruskan dengan menggunakan bajet penyenggaraan sediada (DBKL) dan juga Bajet Inisiatif Selenggara Perumahan Rakyat - Penyelenggaraan Perumahan Awam Kos Rendah bagi tahun 2023 melalui Kementerian Kewangan. Kerja pembaikan dijangka akan siap pada bulan Oktober 2023.
3. Kebersihan kawasan Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat (PA/ PPR) merupakan salah satu elemen penting yang sentiasa dititikberatkan oleh pihak DBKL. Kerja-kerja ini melibatkan pelantikan kontraktor pembersihan yang dibuat secara tender terbuka.
4. Bagi memastikan tahap kebersihan kawasan yang baik, kerja-kerja pembersihan dilaksanakan oleh pihak kontraktor bermula jam 7 pagi sehingga 7 malam pada setiap hari. Pemantauan oleh DBKL turut dibuat setiap hari oleh kakitangan DBKL di lokasi. Pada masa yang sama, tahap prestasi kebersihan ini dinilai setiap bulan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Prestasi Kebersihan bagi memastikan segala isu-isu berkaitan kebersihan di kawasan PA/ PPR dapat diatasi.

5. Walau bagaimanapun, masih terdapat sikap segelintir penduduk yang sering mengambil mudah isu kebersihan yang menyebabkan kawasan PA/ PPR seolah-olah tidak diselenggara dengan baik. Meskipun begitu, DBKL sentiasa komited memastikan tahap kebersihan dan prestasi kontraktor berada pada tahap yang optimum agar kebersihan kawasan PA/ PPR sentiasa terkawal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG  
[KEPONG]**

**SOALAN**

**TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa keseluruhan kos guaman yang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu bayar dalam kes mahkamah membabitkan cadangan pembangunan projek kediaman di Taman Rimba Kiara di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur. Berapa jumlah kerugian yang dituntut daripada DBKL oleh pemaju pembangunan projek tersebut.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penduduk-penduduk di sekitar Taman Rimba Kiara, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur telah memulakan tindakan mahkamah terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur pada tahun 2017 bagi membatalkan kebenaran perancangan yang telah diberikan oleh Datuk Bandar berkenaan dengan **Cadangan Pembangunan 1 Blok Pangsapuri Mampu Milik 29 Tingkat (350 unit) dan 8 Blok Pangsapuri Servis 42-54 Tingkat** di atas sebahagian Lot PT9244, Jalan Tun Mohd. Fuad, Bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
2. Berkenaan tuntutan kos guaman yang dikemukakan oleh pihak peguam yang mengendalikan kes DBKL, pihak DBKL akan menyemak dan meneliti setiap tuntutan kos guaman yang dikemukakan bagi menentukan bahawa bayaran yang dituntut adalah sejajar dengan khidmat guaman yang diberikan dan ‘complexity’ serta merit bagi setiap kes.
3. Sehingga kini pihak DBKL telah membayar kos bagi pengendalian kes tersebut selaras dengan khidmat guaman yang telah diberikan melibatkan isu-isu perundangan yang kompleks dan dokumentasi perundangan dalam jumlah yang banyak di mahkamah. Di samping itu kos guaman yang dibayar turut mengambil kira tempoh penyelesaian kes di mahkamah yang agak lama.
4. Pada masa ini juga, pihak DBKL masih belum menerima apa-apa tuntutan jumlah kerugian daripada pemaju terhadap DBKL.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN [ BATU ]**

**SOALAN**

**TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [ BATU ]** meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi memastikan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mampu bergerak selari dengan keperluan rakyat kerana kebelakangan ini kerakusan pemaju dilihat telah mengugat kestabilan dan keamanan penduduk di sesuatu kawasan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah dirancang berdasarkan kepada pelan pembangunan yang telah disediakan bagi memandu pembangunan Kuala Lumpur untuk suatu tempoh yang ditetapkan iaitu Pelan Struktur dan juga Pelan Tempatan. Ia selaras dengan peruntukan di bawah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267).
2. Pelan pembangunan ini akan memastikan pembangunan di Kuala Lumpur dirancang secara holistik dan mengambil kira semua faktor termasuk kestabilan dan keamanan penduduk disesuatu kawasan. Pada masa ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang dalam proses untuk mewartakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) yang turut menerapkan Konsep Malaysia MADANI dalam membentuk satu pembangunan yang mampan.
3. Sehubungan dengan itu, dalam mempertimbangkan sesuatu cadangan pembangunan, DBKL akan memastikan semua kehendak teknikal perancangan, garis panduan dan keperluan agensi-agensi teknikal luaran dipatuhi oleh pemaju. Ini termasuklah penilaian terhadap keperluan peningkatan infrastruktur dan kemudahan setempat tanpa mengabaikan kepentingan terhadap pemeliharaan alam sekitar. Tindakan penguatkuasaan akan dikenakan kepada pemaju-pemaju yang melanggar peraturan dan syarat yang telah ditetapkan oleh DBKL.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN  
ABDUL RAHMAN [ LABUAN ]**

**SOALAN**

**DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur bagi maksud atau tujuan menarik pelabur untuk datang melabur di W.P. Labuan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) melalui Perbadanan Labuan (PL) sentiasa memastikan WP Labuan kompetitif dalam menyediakan persekitaran mesra pelabur, terutamanya dalam menyediakan infrastruktur asas yang dapat menjadi pemangkin kepada aktiviti perniagaan.
2. Blueprint Pembangunan Labuan 2030 merupakan dokumen strategik pelaburan yang telah mengenalpasti 5 projek pemangkin yang mengandungi 8 komponen dan 4 program berkaitan infrastruktur. Antara cadangan berkaitan ialah pembinaan fasiliti kargo udara baharu dan Pembangunan terminal pelabuhan bersepadu. Pada masa ini beberapa projek sedang dilaksanakan seperti Menaiktaraf Terminal Feri Antarabangsa Labuan, Pembinaan dan menaiktaraf jalan dan meningkatkan keupayaan sistem telekomunikasi ke arah Misi Blueprint menjadikan Labuan sebagai pulau bandar pintar dan mampan.
3. Kerajaan turut menyediakan Rancangan Pemajuan Labuan 2040 yang merupakan dokumen Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan yang mengandungi dasar dan cadangan bagi memenuhi keperluan sosial dan ekonomi penduduk Labuan melalui pembangunan fizikal yang teratur serta persekitaran yang selesa. Rancangan Struktur Labuan 2040 disediakan untuk mengukuhkan perancangan pembangunan yang turut memberi fokus meningkatkan kualiti infrastruktur dan utiliti melalui tonggak pembangunan iaitu "Prasarana Makmur" yang mempunyai 3 cadangan dasar, 13 strategi dan 64 inisiatif pelaksanaan dalam tempoh jangka pendek dan jangka panjang.
4. Kesemua inisiatif yang dikenalpasti telah mengambilkira perancangan pembangunan yang dibuat oleh agensi penyedia infrastruktur samada agensi kerajaan mahupun swasta. Pelaksanaan projek-projek yang dikenalpasti terutama projek infrastruktur berimpak tinggi akan memberi kesan langsung untuk menarik pelaburan ke Wilayah

Persekutuan Labuan. Antara fokus yang diberi keutamaan adalah seperti menaiktaraf sistem bekalan air dan elektrik melalui program seperti berikut:-

- i. Meningkatkan kapasiti simpanan air di WP Labuan;
  - ii. Penggantian paip usang serta baik pulih infrastruktur air sedia ada;
  - iii. Meningkatkan keupayaan bekalan elektrik melalui stesen janakuasa baharu; dan
  - iv. Mengukuhkan sumber tenaga alternatif seperti solar.
5. Perbadanan Labuan sedang menyediakan pelan induk (Masterplan) untuk mewujudkan lebih banyak ruang pembangunan baharu seperti kawasan perindustrian, komersil dan perumahan untuk ditawarkan kepada pelabur asing dan tempatan. Pembukaan kawasan ini sudah tentunya telah dirancang untuk dilengkapi dengan infrastruktur berkaitan sepetimana Projek Penyediaan Kemudahan Infrastruktur bagi tujuan industri oleh Perbadanan Labuan yang mana kini dalam peringkat penilaian dan permohonan peruntukan.
6. Kerjasama pihak berkuasa serta agensi kerajaan untuk menaiktaraf dan memperbaiki infrastruktur asas, fasiliti dan kemudahan sedia ada turut dilaksanakan misalnya melibatkan kawasan perindustrian yang mana kemudahan insentif ini disediakan oleh agensi lain seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

Sekian, terima kasih.